

## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

### PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO) 25 OKTOBER 2013

#### Arahan kepada calon-calon:

1. Sila tulis bilangan index awda sahaja pada kotak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:  
Bahagian A : 30 Soalan Objektif  
Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek  
Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang
3. Sila jawab:  
Bahagian A : Semua Soalan  
Bahagian B : 7 Soalan sahaja  
Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada lembaran baru kertas jawapan.
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.
6. Semua jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

**SEMOGA BERJAYA**

## BAHAGIAN A: SOALAN OBJEKTIF

Bahagian ini mengandungi 30 soalan. Calon dikehendaki menjawab semua soalan dan setiap soalan mempunyai satu(1) markah

1. Pusingan atau Proses Pelaksanaan TPOR (Tekad Pemeduliaan Orang Ramai) yang teratur ada enam (6). Pusingan Pertama, Kedua dan Ketiga adalah Pembentukan Jawatankuasa, Penggubalan dan Promosi. Pusingan yang seterusnya adalah :
  - a. Penilaian dan Penambahbaikan : Penyediaan Sistem Pemulihan Perkhidmatan : Pemantauan
  - b. Pemantauan : Penilaian dan Penambahbaikan : Penyediaan Sistem Pemulihan Perkhidmatan
  - c. Penyediaan Sistem Pemulihan Perkhidmatan : Pemantauan : Penilaian dan Penambahbaikan
  - d. Pemantauan : Penyediaan Sistem Pemulihan Perkhidmatan : Penilaian dan Penambahbaikan
  
2. Seorang Pegawai yang masih di dalam tempoh percubaan boleh ditamatkan lantikannya jika tidak memenuhi syarat yang ditetapkan. Salah satunya adalah Pegawai itu tidak disokong untuk ditetapkan dalam jawatan oleh Ketua Jabatannya. Apakah syarat lain yang membolehkan pegawai ini ditamatkan lantikannya ?
  - a. Tidak lulus peperiksaan-peperiksaan yang ditentukan dalam Skim Perkhidmatannya
  - b. Tidak memenuhi syarat Ketua Jabatannya
  - c. Tidak lulus temuduga bagi penetapan jawatan
  - d. Kedatangan dan kehadiran bekerja tidak memuaskan

- a. Memastikan pemohon-pemohon menghadiri temuduga
  - b. Memastikan pemohon-pemohon memenuhi Skim Perkhidmatan
  - c. Memastikan ahli jawatakuasa menghadiri temuduga
  - d. Memastikan pemohon-pemohon mengisi borang SPA/02
6. Merujuk kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 11/2012, Elaun Insentif bulanan akan diberhentikan jika pegawai-pegawai di dalam keadaan berikut :
- i. Dalam proses diambil tindakan tatatertib
  - ii. Mengikuti LDP seberang laut
  - iii. Sepanjang tempoh pegawai menjalani cuti tidak bergaji

Apakah satu keadaan lagi?

- a. Bertukar gelaran jawatan
  - b. Mengambil cuti tahunan
  - c. Bertukar ke Kementerian/Jabatan lain
  - d. Naik pangkat ke Bahagian I
7. Apakah tahap penilaian jika seorang pegawai itu mendapat penilaian 75%?
- a. Memerlukan Pembaikan
  - b. Memuaskan
  - c. Baik
  - d. Sangat Baik
8. Bilakah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan ditubuhkan?
- a. 1 April 2008
  - b. 1 Mac 2008
  - c. 1 Feb 2008
  - d. 1 Jan 2008

13. Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam mempunyai 11 ciri. Sila susun semula ciri berikut :
- Syura dan Bermuafakat Membawa Berkat, Setiakawan
  - Syura Membawa Berkat, Bermuafakat dan Setiakawan
  - Bermuafakat Membawa Berkat, Syura dan Setiakawan
  - Setiakawan, Syura dan Bermuafakat Membawa Berkat
14. Cuti Tanpa Catat hanya dibenarkan kepada pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan awam yang menyertai aktiviti atau kegiatan yang mewakili Negara. Aktiviti manakah yang tidak termasuk dalam mempertimbangkan kebenaran Cuti Tanpa Catat”.
- Sukan, Keagamaan, Kebudayaan
  - Lawatan kerja, Keagamaan, Kebudayaan
  - Kebudayaan, Kemasyarakatan, Kursus Pendek
  - Menghadiri mesyuarat, Lawatan Kerja, Lawatan sambil belajar
15. Seorang pegawai mempunyai baki cuti yang terkumpul sebanyak 130 hari pada 31 Januari 2013. Berapakah kadar maksimum baki cuti yang dibenarkan menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 5/2010 ?
- 100 hari
  - 105 hari
  - 108 hari
  - 120 hari
16. Semua Pegawai dan kakitangan kerajaan sebaik sahaja memulakan perkhidmatannya dikehendaki mematuhi Akta Rahsia Rasmi Bab 5 (Penggai 153). Jika peraturan ini gagal dipatuhi pegawai dan kakitangan itu boleh dijatuhkan hukuman penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan :
- Denda tidak lebih daripada \$50,000
  - Denda tidak lebih daripada \$15,000
  - Denda tidak lebih daripada \$20,000
  - Denda tidak lebih daripada \$10,000

17. Berapakah kadar gaji sehari yang diberikan kepada kakitangan bergaji hari bagi yang berkelulusan Diploma tertinggi Kebangsaan (HND)?
- \$140.00
  - \$127.70
  - \$90.45
  - \$111.30
18. Pihak manakah yang berkuasa untuk membenarkan kenaikan gaji EBKhas bagi pegawai dan kakitangan kerajaan?
- Ketua Jabatan
  - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
  - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
  - Jurukira Agung
19. Cuti Lebih Masa adalah cuti yang diberikan untuk menggantikan waktu bekerja lebih masa (overtime). Siapakah yang layak diberikan Cuti Lebih Masa?
- Bahagian I, II dan III
  - Bahagian III, IV dan V
  - Bahagian I, III dan V
  - Bahagian II, III dan V
20. Cuti Beranak diberikan kepada Pegawai dan Kakitangan Perempuan dalam Perkhidmatan Awam yang sah berkahwin di sisi Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. Berapakah tempoh Cuti Beranak bagi pegawai dan kakitangan perempuan jika beliau mengalami keguguran sewaktu usia kandungan kurang daripada 24 minggu?
- 108 hari
  - 105 hari
  - 56 hari
  - Hanya diberikan Cuti Sakit

21. Seorang pegawai telah dibenarkan untuk mendapatkan kemudahan Elaun dari Rumah ke Pejabat. Pegawai ini menggunakan kenderaan miliknya sendiri dan jarak jauh dari rumah ke pejabatnya adalah melebihi 43.5 km. Berapakah kadar elaun yang akan diterimanya sebulan?
- a. \$49.00
  - b. \$55.00
  - c. \$52.00
  - d. \$58.00
22. Berapakah kadar Elaun Cuti bagi seorang Pegawai Lelaki, yang didalam Perkhidmatan Tetap dan didalam tanggagaji B.2 EB.3 yang menerima gaji pokok sebanyak \$, kadar Elaun Cuti bagi Isterinya dan anaknya yang dibawah umur 12 tahun?
- a. \$1,750.00 : \$2,500.00 : \$850.00
  - b. \$1,750.00 : \$1,750.00 : \$850.00
  - c. \$1,750.00 : \$1,750.00 : \$875.00
  - d. \$1,750.00 : \$1,120.00 : \$560.00
23. Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam diadakan bagi memberi pengiktirafan kepada pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang. Dari senarai berikut, pegawai dalam Bahagian manakah yang tidak termasuk untuk anugerah ini ?
- a. Bahagian II
  - b. Bahagian III
  - c. Bahagian IV
  - d. Bahagian V

## BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi sepuluh (10) soalan. Calon dikehendaki menjawab tujuh (7) soalan sahaja daripada 10 soalan. Setiap soalan mempunyai 5 markah

Sila terangkan perkara-perkara dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

1. Perkhidmatan Open Vote
2. Kaedah iklan 7a.
3. Contoh Tekad Pemedulian Orang Ramai
4. Kadar elaun memangku perenggan 4.2 dari Surat keliling Jabatan Perdana Menteri Bil 4/2008
5. Rukun Akhlak dan Etika Kerja: Berjimat cermat asas kemakmuran
6. Waktu bekerja dalam perkhidmatan awam
7. Tatacara mengistiharkan hadiah
8. Tujuan pengurusan fail dan dokumen
9. Latihan Jangka Panjang
10. Faedah dan kesan Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam.

## BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi tiga(3) soalan. Calon dikehendaki menjawab dua(2) soalan sahaja daripada tiga(3) soalan. Setiap soalan mempunyai 17.5 markah

### SOALAN 1

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan Cuti Beranak dan syarat kelayakan serta kadar Cuti Beranak menurut surat keliling Jabatan Perdana Menteri Bil 1/2011?
- b) Terangkan peraturan-peraturan Cuti Beranak yang dibenarkan?
- c) Terangkan peraturan-perturan dalam keadaan keguguran atau kematian anak dalam kandungan
- d) Sebutkan tempoh perkhidmatan dan kadar pembayaran gaji bagi pegawai wanita yang mengambil cuti beranak.

## SOALAN 2

- a) Apakah yang dikatakan Kenaikan Pangkat Laluan Laju (KPLL)?
- b) Terangkan tatacara KPLL ini?
- c) Terangkan peranan Badan Menilai Program ASUHAN Pengurusan dan Professional (BMPAP)

## SOALAN 3

Jabatan Pertanian telah menerima memorandum daripada Pejabat Polis Diraja Brunei bertarikh 2 Januari 2013, dan dicop penerimaan memorandum berkenaan bertarikh 3 Januari 2013. Memorandum berkenaan memaklumkan bahawa Awang Ali bin Jabul salah seorang daripada pegawai di Jabatan Pertanian dalam Bahagian II telah disyaki terlibat dalam kecurian komputer laptop di sebuah Jabatan kerajaan. Beliau ditangkap pada 25 Disember 2012 di tempat kejadian.

Setelah dua bulan kemudian, Pejabat Peguam Negara memaklumkan melalui memorandum bertarikh 3 Mac 2013 yang Awang Ali bin Jabul dihadapkan ke mahkamah dan disabitkan kesalahan dan dijatuhi hukuman enam(6) bulan penjara mulai 1 Mac 2013.

- a) Sebagai pegawai yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal kakitangan di Jabatan Pertanian, terangkan tindakan segera yang awda perlu ambil menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 19/1998 terhadap Awang Ali bin Jabul ketika disyaki terlibat dalam kecurian.
- b) Terangkan tindakan seterusnya apabila Jabatan Pertanian menerima makluman yang Awang Ali bin Jabul dijatuhi hukuman enam(6) bulan penjara.
- c) Nyatakan tarikh sebenarnya Jabatan Pertanian membuat tindakan segera bagi Awang Ali bin Jabul ketika disyaki dan dihukum sabit kesalahan?
- d) Siapakah yang akan memberikan kebenaran atau membuat keputusan untuk pegawai tersebut diatas dibuang kerja? Berikan TIGA (3) sahaja faedah-faedah perkhidmatan yang terlucut jika sekiranya pegawai tersebut dibuang kerja?